

TAMAN PERMAINAN KINI BERWAJAH BAHARU

Oleh: Izzati Nur Aisyah Izhab

AMPANG PECAH – Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) sedang dalam proses menambahbaik taman permainan Kuarters Majlis Daerah yang sebelum ini mengalami kerosakan yang teruk.

Pihak berkuasa MDHS telah memulakan proses penambahbaikan fasiliti taman permainan di Kuarters Majlis Daerah sejak 10 Ogos lalu berikutan permintaan penduduk taman tersebut.

Justeru kini, taman permainan yang dahulu sunyi dan kurang menarik bakal berwajah baharu dengan penambahan fasiliti-fasiliti yang berkonsepkan reka bentuk moden iaitu bersegi dan gigantik untuk menarik perhatian pengguna.



Taman permainan yang bakal berwajah baharu mulai akhir tahun ini.

Hasil tinjauan dan temuramah bersama Muhamad Noor Effendi, 37, Penolong arkitek landskap MDHS mendapati taman permainan bakal dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan permainan lain seperti ‘outdoor gym’ dan trek larian kecil buat pengguna.

“Sekiranya kita lihat, di kawasan lapang itu tiada sebarang aktiviti yang boleh dilakukan oleh orang dewasa, jadi penambahan ‘outdoor gym’ dibina untuk menyelesaikan masalah tersebut,” kata Noor Effendi.

Sementara itu, Noor Effendi berkata, pihak MDHS telah memperuntukkan sejumlah RM 150,000 untuk menaik taraf kawasan taman permainan tersebut.



Berkonsepskan gigantik dan bersegi

Proses pembinaan naik taraf taman permainan tersebut dijangka siap akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, penduduk dinasihatkan untuk tidak menggunakan fasiliti-fasiliti yang baru dibina sehingga suatu tarikh yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

Beliau berharap orang ramai memberikan kerjasama dengan menjaga fasiliti-fasiliti baharu dan tidak merosakkannya. Persekitaran taman permainan yang luas dan reka bentuk fasiliti yang unik ini bakal menjadi tarikan ramai pengguna di masa hadapan.